

0290

U B404 BAH

MAHATHIR - POLIS

(I)

KUALA LUMPUR, 30 NOV (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA, KERAJAAN SANGAT MENGHARGAI KEJAYAAN POLIS DALAM OPERASI MENANGKAP PARA JENAYAH DI BALING MINGGU LALU.

EMPAT ORANG ANGGOTA POLIS DAN 14 PENJENAYAH TERBUNUH DALAM OPERASI SELAMA LIMA JAM ITU BAGI MENANGKAP 37 ORANG LELAKI DAN PENGIKUT MEREKA YANG DIKEHENDAKI POLIS DI KAMPUNG MEMALI.

KETIKA BERCAKAP KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MERASMIKAN PERSIDANGAN KE-7 ASEAN-CCI DI SINI, BELIAU BERKATA, KEJADIAN ITU BERPUNCA DARIPADA PERBUATAN MENGHALANG PENANGKAPAN OLEH POLIS.

KATANYA, PERBUATAN ITU MERUPAKAN KESALAHAN JENAYAH DAN SESIAPA PUN TIDAK SEHARUSNYA MENGHALANG PENANGKAPAN.

BELIAU BERKATA, POLIS TERPAKSA BERHATI-HATI SUPAYA TIDAK MENCEDERAKAN ORANG RAMAI SEHINGGA MENAKIBATKAN BEBERAPA ORANG ANGGOTA POLIS TERKORBAN.

+KEJADIAN ITU SANGAT MALANG DAN MENGHARUKAN,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, NEGARA MEMERLUKAN PASUKAN POLIS YANG DAPAT MEMAINKAN PERANAN DENGAN BERKESAN UNTUK MENGAWASI KESELAMATAN. -- BERNAMA

1444MST 30 11 85